

## **SHIHAB AL-DIN SUHRAWARDI DAN KAJIAN TERHADAP KARYA HIKMAH AL-ISHRAQ**

*Sihab Al-Din Suhrawardi and Study On Hikmah Al-Ishraq*

Nurul Alliyana Ahmad Shabuddin<sup>i</sup> & Prof Madya Dr Faudzinain Badaruddin<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Nurul Alliyana Ahmad Shabuddin. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: [nurulaliyana123@gmail.com](mailto:nurulaliyana123@gmail.com)

<sup>ii</sup> Prof. Madya Dr. Faudzinain Badaruddin. Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: [fnaim@ukm.edu.my](mailto:fnaim@ukm.edu.my)

Article Progress

Received: 30 Oktober 2018

Revised: 25 December 2018

Accepted: 26 December 2018

| <b>Abstrak</b>   | <b>Abstract</b>  |
|--|--|
| <p><i>Shihab al-Din Suhrawardi merupakan seorang tokoh yang hebat dan dikenali sebagai ahli falsafah di Iran. Beliau juga merupakan seorang ahli Sufi dan pengasas kepada falsafah Iluminasi. Perjalanan hidup Shihab al-Din Suhrawardi yang bermula dari tempat kelahiran beliau, Suhraward hingga di Aleppo telah menjadikan Suhrawardi seorang yang terkenal dengan gelaran al-Isyraq selain gelaran al-Maqkul. Objektif kajian ini bertujuan untuk meneliti doktrin dan pemikiran yang dibawa oleh Suhrawardi dan menganalisis ideologi pemikiran Suhrawardi di dalam karya Hikmah al-Ishraq. Manakala, hasil dapatan kajian ini adalah karya hikmah al-Ishraq Suhrawardi merupakan suatu metodologi yang boleh digunakan dalam ilmu Tasawuf Islam untuk mencapai matlamat tertinggi iaitu makrifat Allah. Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian pensejarahan dan analisis kandungan. Justeru itu, artikel ini memberikan tumpuan kepada kajian terhadap latar belakang tokoh ini serta karya beliau yang terpilih, Hikmah al-Isyraq.</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> Suhrawardi, Karya, Tasawuf,</p> | <p><i>Shihab al-Din Suhrawardi is a great figure known as a philosopher in Iran. He is also a sufi member and a founder of the Illumination philosophy. Shihab al-Din Suhrawardi's life journey from his birthplace, Suhraward to Aleppo, has made Suhrawardi a famous man with the title of al-Ishraq besides the al-Maqkul title. The purpose of this study was to examine the doctrines and thoughts brought by Suhrawardi and to analyze Suhrawardi's ideology in the work of Hikmah al-Ishraq. The findings of this study are the work of Hikmah al-Ishraq Suhrawardi which is a method that can be used in the knowledge of Tasawuf Islam to achieve the highest goal of Allah. The research methodologies used are historiography and content analysis. Hence, this article focuses on the study of the background of this character and his chosen work, Hikmah al-Isyraq.</i></p> <p><b>Keyword(s):</b> Suhrawardi, Work, Sufism, Isyraq.</p> |

Isyraq.

## PENDAHULUAN

Tasawuf merupakan satu kaedah dalam Islam untuk mendekati Tuhan dengan lebih dekat. Tasawuf juga merupakan ilmu pengetahuan yang boleh membawa umat Islam mengenali Allah S.W.T, mempunyai hubungan yang hampir dengan Allah S.W.T dan dapat menimbulkan kesedaran bahawa segala sesuatu hak milik-Nya. Hal ini kerana hidup dan mati hambaNya, kesemuanya diaturkan oleh Allah S.W.T Yang Maha Berkuasa. Dalam sejarah perkembangan kerohanian Islam, tasawuf boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tasawuf sunni dan tasawuf falsafi. Kajian ini akan membawa kepada salah seorang tokoh besar dalam bidang tasawuf falsafi iaitu Shihabuddin al-Suhrawardi.

Shihabuddin al-Suhrawardi yang dikenali sebagai "al-Suhrawardi" merupakan seorang tokoh falsafah yang berasal dari Iran. Beliau merupakan seorang ahli sufi dan pengasas kepada Falsafah Iluminasi (Illuminationist Philosophy) atau dikenali juga dengan Hikmat al-Ishraq yang mana ia telah memberi impak besar kepada falsafah Islam (Suhrawardi 2003). Falsafah ini menekankan kepada gerak hati sebagai sumber utama dalam ilmu falsafah.

Suhrawardi mempunyai pengaruh yang sangat penting pada perkembangan falsafah Islam terutama yang berkaitan dengan falsafah iluminasi (isyraqi) dalam membezakan pendekatan iluminasionis dari peripatetik secara ontologi atau epistemologi. Falsafah iluminasi ini lahir sebagai alternatif kepada kelemahan-kelemahan yang ada pada falsafah sebelumnya khusus kepada peripatetik Aristotle. Menurut Suhrawardi, falsafah peripatetik Aristotle ini mengandungi pelbagai kelemahan (Khudori Soleh 2004).

Menurut suhrawardi iluminasi adalah ilmu cahaya yang membalas sifat dan cara pembiasannya. Menurut beliau cahaya ini merupakan substansi yang masuk ke dalam semua keadaan substansi yang material atau yang bukan material. Hubungannya dengan objek-objek di bawah cahaya ini memiliki dua bentuk iaitu cahaya yang terang pada dirinya sendiri dan cahaya yang terang sekaligus dan menerangi yang lain (Khudori Soleh 2004). Konsep cahaya dalam falsafah Islam mempunyai dasar yang kuat. Firman Allah (al-Quran 24: 35):

اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ مَثَلُ نُورِهِ كَمِشْكَاهٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي رُجَاحَةِ الرُّجَاحَةِ كَانَهَا كَوْكِبٌ دُرِّيٌّ  
يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةِ مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيِّعُ وَلَوْلَمْ تَمْسِسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ  
لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

(Al-Quran, An-Nur, 24:35)

Maksudnya:

Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayat petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah "misykaat" yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu dengan sendirinya memancarkan Cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayat yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): Cahaya berlapis Cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayatNya itu dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Sumber-sumber pemikiran Suhrawardi banyak dipengaruhi oleh ahli-ahli sarjana sebelum beliau. Di dalam bidang falsafah, Suhrawardi mengambil dari pemikiran-pemikiran aliran Zoroaster, falsafah kuno Yunani seperti Plato dan Aristotle, Ibnu Sina, al-Kindi, al-Farabi dan Ibnu Rushd. Manakala dari bidang tasawuf, beliau mengambil dari Abu Yazid al-Bustami dan al-Ghazali. Beliau berusaha menggabungkan kedua-dua aliran pemikiran ini ke dalam pemikiran-pemikiran beliau lalu menjadi kepada beberapa buah karya yang besar dan hebat.

Suhrawardi merupakan seorang yang kreatif, dinamik dan produktif. Pada usianya yang muda dan singkat beliau telah menghasilkan lebih dari 50 karya-karya yang besar dan memberi impak sehingga sekarang. Malah beliau turut mempolopori falsafah Isyraq dan mengkritik falsafah peripatetik sebelum beliau.

## KAJIAN LEPAS

Mehdi Aminrazavi di dalam Leonard (1999) mengkaji mengenai karya-karya yang telah ditulis oleh Suhrawardi. Tajuk artikel tersebut adalah "*The Significance of Suhrawrdi's Persian Sufi Writings in the Philosophy of Illumination*". Kajian ini menjelaskan secara ringkas mengenai epistemologi *hikmat al-Ishraq* dan memfokuskan kepada kajian terhadap beberapa karya oleh Suhrawardi. Antara karya-karya yang menjadi pilihan Razavi dalam artikel ini adalah *Risala al-Tair*, *Awaz-i Par-i Jibrail*, *'Aqli Surkh*, *Ruzi ba Jami'at Sufiyyan*, *Risala fi Halat al-Tufuliyya*, *Risala fi Haqiqat al-Ishq* dan *Lughati Muran*.

Selain itu, Siti Maryam (2003) menjelaskan di dalam bukunya yang bertajuk "*Rasionalitas Pengalaman Sufi: Filsafat Isyraq Suhrawardi asy-Syahid*" mengenai teori Cahaya yang dikemukakan oleh Suhrawrdi. Selain itu, Siti Maryam, juga membincangkan perihal latar belakang kehidupan Suhrawardi serta menyatakan mengenai teori pengetahuan berdasarkan kehadiran dan implikasinya dalam kehidupan.

Di samping itu, Muhammad Mojlu Khan (2008) dalam artikel yang bertajuk “*Shihab al-Din Suhrawardi*” menjelaskan secara ringkas berkaitan dengan latar belakang kehidupan Suhrawardi sehingga pengakhiran hidup beliau, karya-karya yang ditulis oleh Suhrawardi dan pengaruh pemikiran yang terdapat dalam ideologi Suhrawardi.

Kemudian, Luqman Junaidi (2009) di dalam tesisnya yang bertajuk “*Ilmu Hudhuri: Konsep Ilmu Pengetahuan Dalam Filsafat Iluminasi Suhrawardi*” telah mengkaji mengenai konsep ilmu pengetahuan yang terdapat di dalam *hikmat al-Ishraq* Suhrawardi. Di dalam kajian ini, Luqman menyatakan bahawa teori cahaya Suhrawardi mempunyai hubungan dengan teori pengetahuan berdasarkan kehadiran yang dikemukakan oleh Suhrawardi di dalam *hikmat al-Ishraq*.

Selain itu, Abdullah Mahmud (2014) telah mengkaji *hikmat al-Ishraq* Suhrawardi yang bertajuk “*Falsafah Iluminasianisme Menurut Shihabuddin Suhrawardi*”. Dalam kajian ini, beliau menganalisis sejarah falsafah *Ishraq* yang dibawa oleh Suhrawardi. Abdullah Mahmud menyatakan bahawa Suhrawardi menggambarkan Allah sebagai cahaya. Dia adalah Cahaya di atas cahaya, yang melalui pancaran cahayaNya terjadilah segala kewujudan baik dari sudut material maupun rohani. Alam semesta ini wujud kerana adanya pancaran cahaya dariNya yang tidak pernah berhenti seumpama pancaran cahaya matahari yang sentiasa memancar. Pancaran cahaya Tuhan iaitu *nur al-anwar* adalah cahaya yang paling tinggi tingkatnya. Objek yang paling dekat, akan menerima banyak dari cahaya ini dan semakin jauh objek dari cahaya maka sedikitlah penerimaan cahaya dariNya.

Kemudian, Muhammad Obaidullah (2015) di dalam jurnalnya yang bertajuk “*Philosophical Sufism: An Analysis of Suhrawardi's Contribution with Special Reference to His School of Illumination (Ishraqi)*” menjelaskan bahawa kajian ini bertujuan untuk menghuraikan falsafah mistik yang dibawa oleh Suhrawardi. Selain itu, kajian ini juga menyakan mengenai asal usul teori *Ishraqi*, ciri-ciri serta peranannya dalam pemikiran tasawuf falsafi. Menurut Muhammad Obaidullah kajian ini diperlukan pada masa kini untuk mensucikan jiwa dan meraih kejayaan di dunia dan di akhirat.

Selain itu, Azadeh Elyasi, Behrooz Elyasi & Atousa Rostami (2016) dalam jurnalnya yang bertajuk “*The Influence of Ancient Persian Philosophy on Suhrawardi*” menyatakan bahawa kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh falsafah Iluminasi Parsi lama di dalam falsafah Suhrawardi. Kajian ini menyatakan bahawa pengaruh falsafah Parsi lama telah menyebabkan lahirnya idea kepada iluminasi Suhrawardi yang berbeza dengan ideologi pemikiran yang lain. Di samping itu, kajian ini turut menyatakan bahawa Suhrawardi meminjam istilah cahaya yang digunakan oleh beliau dalam *hikmat al-Ishraq* dari falsafah iluminasi Parsi lama.

## METODOLOGI KAJIAN

Metod kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif dan reka bentuk kajian ini adalah berdasarkan kajian pensejarahan dan analisis kandungan.

### Kajian Pensejarahan

Metode Pensejarahan menurut adalah satu kumpulan prinsip dan peraturan yang sistematis yang dibentuk bagi membantu secara berkesan dalam usaha untuk mengumpul sumber sejarah, mengkritik sumber tersebut dan membentangkan satu sintesis keputusan yang dicapai. Secara umumnya, ia disebut sebagai satu sistem prosedur yang betul dalam mencapai kebenaran sejarah (Garraghan 1946).

Dalam kajian ini, sumber-sumber data yang berkenaan dengan peristiwa, tokoh, lokasi dan sebagainya bagi mendapatkan data dalam kajian ini telah dikenalpasti. Dalam ini, sumber-sumber yang berbentuk primer dan sekunder kemudiannya diasingkan dan *ditaṣhiḥkan* dahulu sebelum diambil dan dijadikan sebagai rujukan. Data-data yang berbentuk primer diutamakan kerana ianya boleh menilai sudut kesahihan fakta.

### Analisis Kandungan

Analisis Kandungan adalah satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak (seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya) juga bahan-bahan elektronik (seperti filem, drama, rancangan radio, televisyen, cakera padat dan papan kenyataan). Metode ini digunakan bagi mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep, tema, frasa, atau ayat yang wujud dalam media yang disebutkan (Ahmad Sunawari Long 2008). Dalam pengkajian penulis, metode ini merupakan metode yang terpenting bagi mengkaji kitab-kitab klasik atau *turath* dan juga kitab-kitab moden terutamanya dalam isu persejarahan, kenyataan seseorang, dan perbandingan. Metode ini juga digunakan bagi mengambil isi penting yang hendak digunakan dalam membuat pengkajian terhadap tajuk ini. Fakta dari kitab-kitab *turath* dan moden tersebut digunakan untuk dianalisis isi dan kandungannya. Hasil dari analisis kandungan ini akan direkodkan dan ditulis semula isu pentingnya untuk dimuatkan dalam pengkajian ini.

Analisis ini akan digunakan penulis dalam pengkajian ini dengan mengkaji kitab-kitab atau buku-buku serta bahan cetak dan elektronik sama ada berdasarkan dari sumber primer mahupun sekunder. Penelitian yang mendalam serta pembacaan yang menyeluruh dan penelitian terhadap kesemua kandungan dalam bahan-bahan ini akan dilakukan terlebih dahulu sebelum diambil bahagian-bahagian yang terpenting yang berkaitan dengan pengkajian yang akan dilakukan oleh penulis seterusnya diambil bahagian yang berkaitan untuk dianalisis lebih lanjut.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Isu-isu yang diperbahaskan di dalam artikel ini adalah berkaitan ringkasan biografi Suhrawardi al-Maqtol dan beberapa penjelasan kepada karya-karya pilihan. Bagi membuat hasil kajian, penulis telah meneliti dan menganalisis beberapa kajian terdahulu yang bersesuaian dengan bidang kajian ini.

### Biodata Suhrawardi Al-Maqtol

Terdapat pelbagai pandangan dalam menentukan nama penuh Suhrawardi. Antaranya ialah menurut Muhammad Mojlon Khan (2008), Suhrawardi (2003), Razavi (1997) dan Nasr (1969) nama penuh Suhrawardi adalah Shihab al-Din Yahya ibn Habash Amirak Abu al-Futuh Suhrawardi. Manakala Suhrawardi (1999), Siti Maryam (2003) dan Abdullah Mahmud (2014) menyatakan bahawa nama penuh beliau adalah Shihab al-Din Abu al-Futuh Yahya ibn Habash ibn Amirak al-Suhrawardi.

Suhrawardi mempunyai beberapa gelaran nama yang telah diberikan kepada beliau. Suhrawardi telah dikenali sebagai Shaykh al-Ishraq Master of Illuminations (Muhammad Mojlon Khan 2008) dan al-Maqtol The Martyr (Suhrawardi 2003). Razavi (1997) menyatakan bahawa gelaran al-Maqtol diberi selepas dikaitkan dengan cara kematian beliau. Suhrawardi telah dijatuhkan hukuman penjara tanpa diberi makan dan minum sehingga mati oleh Salahuddin al-Ayubi. Di samping itu, gelaran al-Maqtol juga digunakan untuk membezakan dengan seorang lagi tokoh tasawuf yang memiliki nama yang sama dengan suhrawardi (Milson 1975). Manakala gelaran Shaykh al-Isyraq diberikan kepada beliau kerana karya hikmah al-Isyraq merupakan salah satu karya yang terkenal yang telah dituliskan oleh beliau. Menurut Nasr (1972), gelaran Shaykh al-Isyraq (master of illumination) ini lebih dikenali di Parsi terutama dalam kalangan para pelajarnya.

Sebagaimana para ilmuwan yang lain sering mengembara dalam mencari ilmu, Suhrawardi juga seorang pengembara dalam menuntut ilmu dan menambahkan pengalamannya. Pada usianya yang sangat muda, beliau telah mengembara ke banyak tempat untuk mencari pembimbing. Makdisi (1981) menyatakan bahawa setiap cendiakawan Muslim yang terkenal akan merantau dalam mencari ilmu. Pengembalaan merupakan suatu aktiviti dalam dunia Islam yang akan dilakukan apabila hendak mendalami sesuatu ilmu. Tradisi ini telah mendorong Suhrawardi untuk melakukan pengembalaan ke pelbagai tempat demi menuntut ilmu.

Perjalanan Suhrawardi berakhir di Aleppo, Syria. Di sini beliau berbeza pandangan dengan para fuqaha sehingga akhirnya dihukum penjara oleh Malik Zahir atas perintah ayahnya Sultan Salahuddin al-Ayyubi di atas tekanan para fuqaha yang tidak suka dengan Suhrawardi. Corbin (1991) dan Hossein Ziai (1990) menyatakan bahawa Suhrawardi meninggal dunia pada 29 Julai 1191 M/578H pada usia 36 tahun mengikut kalender shamsiyyah atau 38 tahun mengikut kalender qamariyyah. Namun demikian penyebab kematianya tidak

diketahui secara jelas, namun menurut Hossein Ziai (1990) beliau mati kerana dihukum gantung. Manakala menurut Razavi (1997), Suhrawardi dijatuhkan hukuman penjara tanpa diberi makan dan minum sehingga beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir.

### Karya-Karya Suhrawardi

Suhrawardi hidup singkat selama tiga puluh lapan tahun dan selama tempoh itu beliau berjaya menghasilkan lebih daripada lima puluh karya menurut Nasr (1969). Suhrawardi menulis karya-karya beliau di dalam bahasa Arab dan Parsi kerana pada ketika itu Bahasa Arab dan Parsi digunakan sebagai bahasa penyebaran ilmu pengetahuan. Namun, tidak semua karya Suhrawardi berjaya diselamatkan dan tidak semua yang berjaya diselamatkan telah diterbitkan atau diterjemahkan kembali. Karya-karya Suhrawardi yang berjaya diselamatkan telah disimpan di beberapa buah perpustakaan seperti di Turki, India dan Iran.

Karya-karya ini telah ditulis dalam gaya bahasa yang indah dan tinggi nilai sasteranya dan telah dibahagikan kepada lima jenis kategori oleh Nasr (1969):

- i. Karya-karya yang besar dan telah membentuk tetralogi dengan menggunakan falsafah peripatetik yang diterjemah dan diubahsuai oleh Suhrawardi iaitu *Talwihat* (*The book of Intimations*), *Muqawamat* (*The Book of Oppositions*) dan *Mutarahat* (*The Book of Conversations*). Ketiga-tiga karya ini telah diubahsuai daripada falsafah Aristotle dan di dalamnya terdapat kritikan terhadap beberapa orang ahli Peripatetik (Leonard 1999). Karya keempat iaitu *Hikmat al-Ishraq* yang mana berkaitan dengan doktrin Ishraq.
- ii. Risalah-risalah pendek ditulis di dalam dalam bahasa Arab dan Parsi yang menggunakan bahasa yang sederhana dan diuraikan dengan ringkas. Ini termasuk karya-karya seperti *Hayakil al-Nur* (*The Temples of Light*), *al-Alwah al-Imadiyah* (*Tablets Dedicated to Imad al-Din*), *Partaw Namah* (*Treatise on Illuminations*), *Fi I'itiqad al-Hukama* (*Symbol of Faith of the Philosophers*), *al-Lamahat* (*The Flashes of Light*), *Yazadan Shinakht* (*The Knowledge of God*), and *Bustan al-Qulub* (*The Garden of Heart*). Dua buah buku terakhir ini didedikasikan kepada 'Ain al-Qudat al-Hamadani dan Sayyid Sharif al-Jurjani, namun terdapat tanggapan bahawa keduanya-duanya adalah Suhrawardi.
- iii. Karya-karya simbolik dan mitos menceritakan perjalanan jiwa melintasi alam semesta menuju kepada pembebasan dan iluminasi yang terakhir. Karya-karya tersebut adalah *'Aqli Surkh* (*The Red Archangel/Literally Intellect*), *Awazi Pari Jibril* (*The Chant of the Wing of Gabriel*), *al-Ghurbat al-gharbiyah* (*The Occidental Exile*), *Lughati Muran* (*The Language of Termites*), *Risalah Fi Halat al-Tufiliyah* (*The Treatise on The State of Childhood*), *Ruzi Ba Jama'ati Sufiyan* (*A Day with The Community of Sufis*), *Risalat al-Abraj* (*Treatise On the Nocturnal Journey*), dan *Safiri Simurgh* (*The Song of Griffin*).

- iv. Tulisan-tulisan, terjemahan-terjemahan dan ulasan-ulasan terhadap falsafah awal yang bersifat suci dan keagamaan seperti terjemahan dalam bahasa Parsi dari karya Ibnu Sina. Kategori ini terdiri daripada empat karya. Pertama, *Risalah al-Tair*. Buku ini merupakan karya Ibnu Sina yang diterjemahkan ke dalam bahasa Parsi. Kedua, ulasan terhadap *Isyarah* dari karya Ibnu Sina. Ketiga, gubahan *Risalah Fi Haqiqat al-Ishq* yang mana didasari dengan karya Ibnu Sina iaitu *Risalah Fi al-Ishq*. Keempat, ulasan terhadap beberapa penafsiran ayat al-Quran dan Hadis-Hadis nabi yang tertentu merupakan sebuah ulasan terhadap *Fusus of al-Farabi* tetapi manuskrip karya tersebut tidak ditemui.
- v. Buku yang mengandungi wirid-wirid dan doa-doa yang sama pada abad pertengahan dikenali *Kutub al-Sa'at*, namun Shahrazuri menyebutnya *al-Waridat wa al-Taqdisat*.

Selain Syed Hossein Nasr, Massignon turut mengklasifikasikan karya-karya Suhrawardi kepada beberapa bahagian. Beliau membahagikan kepada tiga bahagian iaitu, ketika Suharawrdi di usia muda, pemikiran di zaman peripatetik dan pemikiran yang dipengaruhi oleh Ibnu Sina.

Razavi di dalam Leonard (1999) menjelaskan beberapa buah karya Suhrawardi. Antara karya-karya yang dijelaskan tersebut adalah:

i) Risalah Burung (*Risalah al-Tair*)

Risalah burung ini merupakan karya asal Ibnu Sina. Suhrawardi telah menulis semula dan menterjemahkan ke dalam Bahasa Parsi. Karya ini menggambarkan perjalanan rohani seseorang manusia dari tempat tinggal asalnya iaitu kehidupan dunia menuju ke dunia lain iaitu alam rohani dan bagaimana perhubungan antara kehidupan dunia yang mengganggu keinginannya jiwa kerohanian untuk mencapai matlamat tertinggi. Razavi memetik petikan Suhrawardi yang menggambarkan tentang kesukaran di dalam perjalanan sufi secara simbolik:

Wahai saudara, salinkan kulitmu seperti ular dan berjalanlah kamu seperti semut agar derapan tapak kakimu tidak didengari. Jadilah seperti kala jengking yang mempunyai senjata di belakang badannya kerana musuh itu datang dari belakang. Minumlah racun agar kamu boleh dilahirkan semula. Teruskan terbang dan jangan berhenti di sarang kerana banyak burung diambil dari sarangnya, sekiranya kamu tidak ada kepak, maka merangkaklah pada tanah... Jadilah seperti burung unta yang boleh tinggal kawasan pasir yang panas dan burung hering yang memakan tulang yang keras. Jadilah seperti salamander yang boleh mengharungi api agar esok tiada bahaya yang tidak dapat kamu harungi. Jadilah seperti rama-rama yang bersembunyi di siang hari agar kekal selamat dari pandangan musuh.

Secara umumnya, karya ini menceritakan mengenai apabila seseorang itu terperangkap di dalam kehidupan dunia, seseorang itu boleh melepaskan

dirinya dengan memiliki keazaman yang kuat untuk meninggalkna kehidupan tersebut. Sungguhpun begitu, Razavi menegaskan bahawa untuk seseorang memutuskan hubungan dengan kehidupan dunia tersebut, mereka memerlukan seorang guru untuk membimbingnya (Razavi 2013).

ii) Suara Sayap Jibril (*Awazi Pari Jibrail*)

Karya ini merupakan salah satu dari karya-karya Suhrawardi yang sangat penting dan terkenal. Di dalam karya ini diceritakan mengenai terdapat seorang pemuda yang ingin mencari kebenaran telah pergi ke satu tempat iaitu *Khanaqah* iaitu sebuah rumah sufi yang mana terdapat dua buah pintu. Satu pintu menghadap ke bandar dan satu pintu lagi menghadap ke kawasan padang pasir (Razavi 2013).

Menurut Razavi, terdapat pandangan yang menyatakan bahawa teori pengetahuan Suhrawardi ada dinyatakan di dalam karya ini. Malah, di dalam karya ini Suhrawardi telah menyediakan kepada para pembacanya jalan yang sebenar untuk perkembangan kemampuan dalaman atau rohani untuk memperoleh pengetahuan secara langsung tanpa bermeditasi. Suhrawardi turut menghuraikan perhubungan yang wujud antara empirisisme, rationalism dan psikologi menggunakan simbol tradisi yang ada di dalam prosa dan puisi sufi.

iii) Akal Merah ('Aqli Surkh)

Karya ini dilmulai dengan persoalan mengenai adakah burung memahami bunyi antara satu sama lain. Pada mulanya, burung helang mengatakan bahawa ia boleh memahami bahasa antara satu sama lain dan kemudian ia telah ditangkap dan telah ditutup matanya namun, ia masih boleh membuka matanya secara beransur-ansur. Di sini helang telah berjumpa dengan seorang lelaki yang berwajah merah yang mendakwa bahawa beliau merupakan orang pertama yang dicipta (Razavi 2013).

Lelaki tersebut muncul sebagai seorang lelaki yang muda dan tua pada masa yang sama. Beliau muncul sebagai seorang lelaki yang tua kerana melambangkan seseorang yang wujud dalam keadaan yang sempurna sebelum penciptaan manusia. Manakala kemunculan beliau sebagai seorang lelaki yang muda adalah kerana secara ontologinya beliau telah jauh daripada cahaya Tuhan dan menjadikan beliau sebagai manusia yang tertua (Razavi 2013).

Burung helang tersebut telah bertanya kepada tuannya, Nabi Khidir perihal perjalanan kerohanian. Jawapan Nabi Khidir telah mendedahkan kepada satu teori pengetahuan yang sangat praktikal. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh nabi Khidir, Suhrawardi menghuraikan tujuh tahap yang dialami oleh para pencari kebenaran dalam perjalanan mereka:

Saya bertanya, "apakah keajaiban dunia yang pernah kamu lihat?". Dia menjawab, "tujuh perkara. Pertama gunung Qaf, iaitu tempat tinggal saya. Kedua, mutiara yang menerangi malam. Ketiga, pokok Tuba. Keempat, dua belas buah bengkel. Kelima, baju besi nabi Daud. Keenam, pedang Balarak. Ketujuh, mata air".

#### iv) Hikmah al-Isyraq

Secara umumnya, penulisan ini berkisarkan mengenani teori ilmu pengetahuan dan teori cahaya dari sudut pandangan Suhrawardi. Suhrawardi telah mengembangkan lagi teori cahaya oleh pelopor-pelopor sebelum ini. Selain itu, beliau turut mengkritik beberapa pandangan ahli falsafah peripatetik berhubung dengan teori-teori tersebut. Suhrawardi turut mendedahkan bahawa kebanyakan idea-idea tersebut diperoleh melalui ilham yang dikurniakan oleh Tuhan kepada beliau (Razavi 2013).

Corak dan pemikiran yang digunakan di dalam tulisan ini menggabungkan unsur-unsur falsafah dan tasawuf Islam. Hasil dari penulisan ini telah membuatkan nama Suhrawardi dikenali dengan gelaran Shaykh al-Isyraq (Nasr 1972). Teori akal pengetahuan Ibnu Sina terhenti kepada akal yang kesepuluh yang mana menyebabkan wujudnya alam dan Suhrawardi telah mengembangkan lagi teori ini dengan lebih mendalam. Malah, beliau telah menggantikan istilah akal kepada istilah yang baru iaitu cahaya (Amroeni Drajat 2005).

Menurut Massignon, ketika Suhrawardi di usia muda, beliau bergelut diantara konsep pegangan masyarakat Iran dengan doktrin Islam. Suhrawardi dilahirkan di Iran, namun membesar dengan ajaran Islam. Oleh itu, beliau berhadapan dengan pergelutan kepercayaan masyarakat Iran dan ajaran agama Islam. Pada awal penulisannya, Suhrawardi menggunakan idea pemikiran beliau dengan konsep ajaran Islam namun tidak berani menzahirkannya sebagai sebuah pemikiran yang baru dan hanya melahirkannya sebagai sebuah karya penulisan dari beliau.

## PENUTUP

Berdasarkan sorotan kajian yang telah dibuat, Suhrawardi menjalani kehidupan yang lebih kurang sama seperti para ilmuan yang lain iaitu mengembara dalam menuntut dan mendalami sesuatu ilmu. Melalui pengembalaan itu, beliau telah melahirkan pelbagai karya yang hebat dalam usianya yang muda dan singkat serta mempunyai kesan sehingga sekarang. Pengakhiran hidup Suhrawardi sedikit tragis apabila beliau dikatakan dihukum bunuh akibat perbezaan pendapat dengan para fuqaha ketika itu selain dikatakan menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan agama.

Karya-karya yang telah ditinggalkan oleh beliau mempunyai maksud yang tinggi dan mendalam. Kebanyakan daripada hasil karya beliau ini masih lagi digunakan sehingga sekarang sebagai rujukan-rujukan penting terutamanya kepada ahli falsafah moden untuk diikuti atau diperbaharui dengan jalan yang lebih bernal.

Suhrawardi memperkenalkan istilah-istilah tersendiri yang digunakan untuk menjelaskan konsep pemikirannya. Melalui teori cahaya (Ishraq), Suhrawardi menolak teori akal sepuluh yang berasal daripada al-Farabi dan Ibnu

Sina dan mengembangkan lagi teori akal tersebut serta tidak meletakkan batasan terhadap limpahan akal tersebut. Malah, Suhrawardi telah menggantikan istilah akal kepada istilah cahaya.

## RUJUKAN

- Al-Quran.
- Abdullah Mahmud. 2014. *Falsafah Iluminasionisme Menurut Shihabuddin Suhrawardi*. SUHUF 26(2): 159-171.
- Ahmad Sunawari Long. 2008. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amroeni Drajet. 2005. *Suhrawardi Kritik Falsafah Peripatetik*. Yogyakarta: LKiS Yogyakarta.
- Corbin, Henry. 1991. *History of Islamic Philosophy*. New York: Routledge Chapman & Hall.
- Garraghan, Gilbert J. 1946. *A Guide to Historical Method*. New York: Fordham University Press.
- Leonard Lewisohn (pnyt.). 1999. *The Heritage of Sufism*. Jil. 1. England: Oneworld Publications.
- Luqman Junaidi. 2009. *Ilmu Hudhuri: Konsep Ilmu Pengetahuan Dalam Filsafat Iluminasi Suhrawardi*. Tesis Sarjana. Universitas Indonesia.
- Makdisi, George. 1981. *The Rise of Colleges Institutions of Learning in Islam and The West*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Milson, Menahem. 1975. *A Sufi Rule for Novice*. Cambridge: Harvard University Press.
- Muhammad Obaidullah. 2015. *Philosophical Sufism: An Analysis of Suhrawardi's Contribution with Special Reference to His School of Illumination (Ishraqi)*. AFKAR 16: 119-142.
- Muhammad Mojlu Khan. 2008. *The Muslim 100: The Lives, Thoughts and Achievements of the Most Influential Muslim in History*. United Kingdom: Kube Publishing Ltd.
- Nasr, Syed Hossein. 1972. *The Spread of Illuminationist School of Suhrawardi*. Studies in Comparative Religion vol 6:3.
- Razavi, Mehdi Amin. 1997. *Suhrawardi and The School of Illumination*. Surrey: Curzen Press.
- Razavi, Mehdi Amin. 2013. *Suhrawardi and The School of Illumination*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Siti Maryam. 2003. *Rasionalitas Pengalaman Sufi: Filsafat Isyraq Suhrawardi as-Syahid*. Yogyakarta: Adab Press.

- Suhrawardi, Shihab al-Din. 2003. *Hikmah al-Ishraq: Teosofi Cahaya dan Metafisika Hinduri*. Terj. Muhammad al-Fayyadi. Yogyakarta: Penerbit Islamika.
- Soleh, A. Khudori. 2004. *Wacana Baru Filsafat*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ziai, Hossein. 1990. *Knowledge and Illumination, A Study of Suhrawardi's Hikmat al-Ishraq*. Atlanta: Georgia Scholar Press.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*